

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD**  
**[ PARIT SULONG ]**

**SOALAN**

**Dato' Noraini binti Ahmad** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sejauh mana peranan Kementerian dalam memperkasa kempen 'Go Green' di seluruh Malaysia dan adakah Kementerian bersedia untuk melancarkan penggunaan bekas kertas dan bekas polypropelene di setiap pusat membeli belah dan kedai makan menggantikan beg plastik dan bekas polisterin.

## **JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kempen "Go Green" yang sedang rancak dijalankan sekarang adalah berakar umbi daripada Dasar Teknologi Hijau Negara yang dilancarkan oleh Kerajaan pada tahun 2009 lagi. Dasar ini antara lain memberi tumpuan kepada betapa pentingnya pendidikan dan kesedaran awam dalam usaha meluaskan aplikasi teknologi hijau. Dalam hal ini Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air sentiasa berganding tangan dan bekerjasama dengan pelbagai agensi-agensi kerajaan, pihak industri dan swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan komuniti tempatan dalam usaha memperluaskan pemakaian produk hijau, aplikasi dan amalan gaya hidup hijau.

2. Malah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah menubuhkan Yayasan Hijau Malaysia (YaHijau) pada tahun 2014 iaitu sebuah agensi khusus yang dipertanggungjawabkan untuk mempromosi serta meningkatkan kefahaman, pendedahan dan penghargaan serta minat yang meluas dalam memperkasakan gaya hidup hijau di kalangan rakyat khususnya pelajar-pelajar universiti dan sekolah sekaligus dapat menyokong inisiatif pemeliharaan alam sekitar serta menyokong

pertumbuhan hijau. Disamping itu lain-lain agensi di bawah Kementerian ini seperti Suruhanjaya Tenaga (ST), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Boleh Baharu (SEDA), Malaysian Green Technology Corporation (GreenTech Malaysia) terus meneruskan menjalankan pelbagai program promosi dan publisiti samada melalui acara (events), media dan pangkalan data seperti direktori hijau dan portal teknologi hijau untuk memberi kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat mengenai budaya dan amalan gaya hidup hijau.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

3. Dalam meneruskan usaha untuk mengurangkan penggunaan bekas polisterina, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) telah memulakan inisiatif untuk menggalakkan penggunaan bungkusan biodegradable di kafeteria-kafeteria di bangunan Kerajaan sekitar Putrajaya melalui kerjasama dengan Bahagian Perumahan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri. Melalui kerjasama ini semua kontraktor kafeteria baru yang dilantik bermula pada hujung tahun 2015 perlu mematuhi syarat-syarat berikut:

- i) menggunakan bekas pembungkusan biodegradable bagi menggantikan bekas polistirena; dan
- ii) memastikan peralatan pencucian yang digunakan adalah pencucian detergen eko-label.

4. Selain itu, bagi mewujudkan industri pembungkusan biodegradable ini, KeTTHA melalui SIRIM di bawah peruntukan RMK-11 akan menjalankan satu projek perintis Green Blue-Packaging yang meliputi dua komponen iaitu pembuatan pembungkusan biodegradable dan penghasilan biogas daripada penguraian sisa makanan berserta pembungkus berkenaan menerusi pengurai anerobik (anaerobic digester). Di bawah projek ini, beberapa kafeteria telah dikenal pasti bagi penggunaan bungkusan biodegradable. Kafeteria ini akan dilengkapi dengan *anerobic digester berkenaan*. Biogas yang dihasilkan daripada anaerobic digester ini akan digunakan untuk memasak menggantikan gas LPG yang digunakan pada masa kini.

5. Dalam menggalakkan penggunaan beg kertas di pusat membeli belah, inisiatif ini dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan kerana pasar raya adalah dibawa kawal selia mereka.

\*\*\*\*\*

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)**

---

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**  
**DARIPADA** : **YB DATO' NORAINI BINTI AHMAD**  
**[PARIT SULONG]**  
**SOALAN** : **103**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan adakah Kementerian bercadang menetapkan bangunan yang bakal dibina dilengkapi dengan sistem anti gempa terutama di kawasan yang berisiko seperti di Sabah.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Garis panduan dan peraturan bagi perancangan bangunan serta penguatkuasaan adalah di bawah bidang kuasa kementerian-kementerian lain yang berkaitan. Walau bagaimanapun, MOSTI melalui Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia) bertanggungjawab untuk membangunkan standard pembinaan bangunan yang meliputi ciri-ciri keselamatan.

Pada tahun 2009, Jabatan Meteorologi Malaysia telah melaksanakan Kajian Risiko dan Bahaya Gempa Bumi dan Tsunami di Malaysia yang melibatkan pelbagai agensi dan universiti. Hasil kajian tersebut

mendapati negeri Sarawak dan Sabah adalah berisiko gempa bumi sederhana, manakala Semenanjung pula berisiko gempa bumi rendah. Susulan hasil kajian tersebut, satu Jawatankuasa Teknikal bagi Gempa Bumi untuk membangunkan Kod Rekabentuk Kebangsaan telah ditubuhkan dan diterajui oleh Standards Malaysia. Jawatankuasa Teknikal ini telah membangunkan Malaysian Standard (MS) EN 1998-1:2015, Eurocode 8 iaitu "*Design of Structures for Earthquake Resistance - Part 1: General Rules, Seismic Actions And Rules For Buildings*". Standards Malaysia juga sedang membangunkan *Malaysia National Annex* to MS EN 1998-1:2015, Eurocode 8: "*Design of Structures for Earthquake Resistance - Part 1: General Rules, Seismic Actions and Rules for Buildings*".

MOSTI telah menjalinkan kerjasama strategik dengan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Sabah untuk mempromosi dan menerangkan kepentingan pematuhan MS EN 1998-1:2015, Eurocode 8 dalam pembinaan bangunan baru di Sabah.

Dengan adanya MS ini serta disokong dengan penguatkuasaan yang berkesan, ia mampu mengurangkan risiko kegagalan struktur bangunan serta risiko kehilangan nyawa dan harta benda apabila mengalami sesuatu kejadian gempa bumi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,**

**PARLIMEN KETIGA BELAS,**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD**

**[PARIT SULONG]**

**SOALAN :**

**Dato' Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong] minta PERDANA MENTERI menyatakan "succes stories" program TalentCorp dan apakah Kerajaan bercadang untuk menambah baik program ini bagi menggalakkan lebih ramai lagi "talent" pulang ke Malaysia.**

**JAWAPAN : YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Laporan Bank Dunia yang bertajuk "*Improving the Effectiveness of TalentCorp's Initiatives: Assessment of Returning Expert Programme & Residence Pass-Talent*" pada Jun 2015, *Returning Expert Programme* (REP) merupakan instrumen berkesan dalam menarik individu dengan kemahiran yang diperlukan Malaysia. Kecenderungan pakar-pakar yang diluluskan di bawah REP untuk kembali meningkat sebanyak 40% sekiranya berjaya mendapatkan penempatan pekerjaan di Malaysia apabila memohon REP.
2. Menurut laporan tersebut juga, terdapat faedah bersih yang besar daripada REP, iaitu dari segi kewangan, manfaat fiskal bersih adalah kira-kira RM27,000 bagi setiap individu yang pulang ke Malaysia. Anggaran tersebut tidak termasuk *positive economy-wide externalities* yang dijana oleh bakat yang berkemahiran tinggi tersebut selepas kembali bekerja.
3. Sejak REP diperkenalkan pada tahun 2011 seramai lebih 3,700 bakat telah diluluskan untuk pulang ke Malaysia. Ini termasuk seramai 616 orang yang telah diluluskan pada tahun 2015.



4. Antara pemohon yang berjaya diluluskan dan telah kembali untuk berkhidmat di beberapa bidang di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) khususnya mengikut sektor seperti berikut:

<u>No.</u>	<u>Sektor</u>	<u>Pakar yang Pulang</u>	<u>Jawatan</u>	<u>Syarikat</u>
1.	Minyak & Gas	Iain John Lo	Pengerusi	Shell Malaysia Berhad
2.	Kesihatan	Prof. Dr. John Chan	Pakar Bedah Kardiorasik	Hospital Umum Sarawak
3.	Kewangan	Foong Pik Yee	Ketua Pegawai Kewangan (CFO)	Hong Leong Bank Berhad
4.	Elektronik	Purushothuman Swaminathan	Timbalan Pengarah Operasi	Flextronics Technology(Penang) Sdn. Bhd.
5.	Perakaunan	Imran Rahim	Pengarah Eksekutif	Ernst & Young
6.	Pembinaan	Norlida Abdul Azmi	Ketua Pegawai Sumber Manusia Kumpulan	UEM Group Berhad

Tuan Yang di-Pertua,

5. Selaras dengan syor Bank Dunia dalam laporan ini, TalentCorp terus berusaha untuk menghubungkan diaspora kepada jaringan majikan dan pekerjaan melalui REP dengan tujuan mengurangkan jurang kemahiran di Malaysia. TalentCorp mengambil peluang ini dan menggandakan usaha menghubungkan bakat berkemahiran tinggi Malaysia di luar negara dengan peluang pekerjaan tersedia

di dalam negara yang bertepatan dengan kehendak industri. Inisiatif REP juga dari semasa ke semasa akan sentiasa dipantau dan ditambahbaik dalam memastikan ianya terus relevan dalam menyokong ekonomi Malaysia secara keseluruhannya.

6. TalentCorp turut bekerjasama dengan Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Institut Maklumat & Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) dalam menerbitkan *Critical Occupations List* (COL) pada Disember 2015 yang menggariskan kekangan kemahiran di Malaysia. Sehubungan dengan itu, COL boleh digunapakai sebagai panduan dalam memudahcara kepulangan pakar-pakar dari luar negara dengan lebih berstruktur.

Sekian, terima kasih.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA: Y.B. DATO' NORAINI  
BINTI AHMAD [ PARIT SULONG ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Dato' Noraini binti Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah sekolah yang dikelaskan sebagai Sekolah Kurang Murid (SKM) di seluruh Malaysia sehingga tahun 2015 dan apakah perancangan Kementerian terhadap sekolah tersebut.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan rekod Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebanyak 2068 buah sekolah telah dikenal pasti sebagai Sekolah Kurang Murid (SKM). KPM tetap komited dan sentiasa bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan untuk meningkatkan kualiti pendidikan semua SKM.

Dalam usaha mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk semua murid, KPM akan membantu memudahkan proses penempatan semula SKM mengikut keperluan kes demi kes

berdasarkan hasil perbincangan dengan komuniti setempat. Sekiranya penggabungan SKM atau pemindahan SKM ke lokasi baru dapat dilaksanakan melalui inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025, langkah tersebut akan meningkatkan kualiti pendidikan SKM, mewujudkan dan menyesuaikan persekitaran pembelajaran kondusif untuk semua murid, meningkatkan hasil pembelajaran dan mengurangkan kos operasi semua SKM.